

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

HMT 328 - Psikolinguistik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **SEPULUH [10]** soalan di dalam **TIGA [3]** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan daripada **Bahagian A** dan **SATU [1]** soalan sahaja daripada setiap **Bahagian B, C** dan **D**.

Bahagian A

1. [a] Senaraikan berserta contoh-contoh enam subjek penyelidikan yang lazim dijalankan dalam psikolinguistik.
- [b] Apakah persamaan dan perbezaan antara pendekatan-pendekatan yang diamalkan dalam Linguistik Struktur dan Psikologi Eksperimental dan Kognitif.
- [c] Nyatakan peranan yang dimainkan oleh struktur-struktur neuroanatomikal di dalam pertuturan dan bahasa.

[100 markah]

Bahagian B

2. Bincangkan secara kritis respons Elman dan McClelland (1988) terhadap kritikan "kesan Ganong"; dan sejauh manakah kesan tersebut berjaya membuktikan bahawa pemprosesan atas ke bawah berkemungkinan memainkan peranan dalam persepsi pertuturan?
[100 markah]
3. Liberman (1982) mengusulkan bahawa pemprosesan akustik dan pemprosesan pertuturan adalah berbeza. Sejauh manakah kebenaran usulan tersebut?
[100 markah]
4. Apakah peranan yang dimainkan oleh "inferens" dan "skema" dalam pemahaman sesuatu wacana menurut sudut pandangan Psikologi Eksperimental dan Kognitif?
[100 markah]

Bahagian C

5. Apakah pandangan Caramazza (1997) mengenai kedua-dua isu penting dalam penghasilan bahasa berikut?
 - [i] Dalam penghasilan perkataan, semantik diproses lebih awal sebelum fonologi atau penulisan;
 - [ii] Peringkat pertama melibatkan "Lemma".
[100 markah]
6. Bincangkan secara kritis pandangan Garratt (1990) dan Dell (1986) mengenai "kesan bias leksikal"; dan sejauh manakah kesan tersebut berjaya menjelaskan bahawa pemprosesan selari / bersiri barangkali memainkan peranan dalam penghasilan bahasa?
[100 markah]
7. Carroll (1999) mengambarkan bahawa pembacaan beroperasi semata-mata berdasarkan visual. Sejauh manakah kebenaran gambaran tersebut?
[100 markah]

Bahagian D

8. Apakah yang Quine (1960) maksudkan dengan masalah "gavagai" dan sejauh manakah masalah tersebut berjaya menjelaskan bagaimana kanak-kanak memperolehi bahasa?

[100 markah]

9. **SAMA ADA**

- [a] Sejauh manakah perkembangan bahasa bergantung terutamanya kepada perkembangan kognitif am;

ATAU

- [b] Sejauh manakah bahasa berkembang pada kadar perkembangannya tersendiri (yakni isu modulariti).

[100 markah]

10. Bincangkan peranan yang dimainkan oleh faktor-faktor sejadi dan persekitaran dalam pemerolehan bahasa kanak-kanak?

[100 markah]

-- oo000oo --